

07 JUN 1999

Adnan-Projek

PAHANG MEMANTAU PROJEK PEMBANGUNAN

KUANTAN, 7 Jun (Bernama) -- Kerajaan Pahang kini memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan, terutamanya yang mendatangkan faedah terus kepada rakyat supaya berjalan mengikut jadual, kata Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob hari ini.

"Kita juga mengambil ketetapan bahawa projek yang mendatangkan faedah terus seperti rumah kos rendah, masjid dan dewan orang ramai dipertingkatkan, tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan," katanya selepas perjumpaan tertutup dengan ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan di sini.

Ini merupakan perjumpaan pertama seumpama itu semenjak Adnan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Pahang pada 25 Mei lepas.

Beliau turut berpuas hati dengan pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zainal Abidin Mat Said dan pelaksanaan projek-projek yang terletak di bawah Pengarah Pembangunan Negeri, Datuk Hashim Wahab.

Katanya, perjumpaan itu juga mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani masalah projek terbengkalai yang kebanyakannya berpunca daripada masalah ekonomi negara.

"Saya juga memberikan ingatan supaya perbelanjaan bagi operasi pentadbiran perlu dijimatkan. Bagaimanapun, semua peruntukan pembangunan yang ada mesti dibelanjakan dengan cekap sebagaimana saranan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin baru-baru ini," katanya.

Mengenai teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pegawai-pegawai kerajaan tidak melengah-lengahkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat, Adnan berkata kerajaan Pahang memberi perhatian terhadap teguran itu dan akan berusaha memastikan kerenah birokrasi dapat diminimumkan.

Katanya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang ada mengeluarkan arahan mengandungi lima tata bidang pengurusan yang dapat mengelakkan kerenah birokrasi sekiranya dilaksanakan kesemuanya.

Lima tata bidang pengurusan itu ialah -- komitmen kepada tugas; memberi perkhidmatan berkualiti; ketelusan dalam semua tindakan; berfikir dan bertindak secara proaktif dalam semua tugas; dan bekerja sebagai satu pasukan.

-- BERNAMA

ROS WAT